

HINDARI BUDAYA YANG MEROSAKKAN AKIDAH, AKHLAK

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٠﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهِدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Allah SWT berfirman dalam kitab suci-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ وَأَحْشَوْا يَوْمًا لَا يَجْزِي وَالِدٌ عَن وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَارٍ عَن وَالِدِهِ شَيْئًا
إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu, dan takutilah akan hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat menyelamatkan anaknya dari azab dosanya, dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing sedikit pun. Sesungguhnya, janji Allah itu adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan janganlah pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah." (S. Luqman: 33).

Sehubungan dengan perintah Allah SWT tersebut, maka sama-samalah kita membentuk diri dan ahli keluarga kita menjadi insan yang bertaqwa dengan melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan kepada kita pahala dan menjauhkan kita daripada azab neraka.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ramai manusia hari ini semakin tersasar daripada landasan kehidupan Islami yang betul lurus. Akibatnya, godaan dunia yang mempesonakan menjebakkan mereka dalam kancah kerosakan akidah, akhlak dan kesejahteraan hidup. Antara sebabnya ialah sikap atau tabiat suka meniru budaya kuning yang menyalahi syariat agama.

Padahal, kita sudah diperingatkan oleh Rasulullah SAW supaya tidak sekali-kali terikut-ikut atau meniru perbuatan orang bukan Islam terutama perkara-perkara yang boleh menjejaskan akidah, akhlak dan kesejahteraan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Ini sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud: *"Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah dari kalangan mereka"*. (HR Abu Daud).

Kita mengetengahkan isu meniru budaya yang menyalahi ajaran Islam pada hari ini mengingat bahawa menjelang bulan Febuari setiap tahun, focus kebanyakan golongan muda terarah kepada tanggal 14 Februari untuk meraikan Hari Kekasih atau Valentine's Day. Ia dihangatkan lagi dengan iklan mengenainya oleh media massa yang mempromosi pelbagai acara yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu seperti restoran, hotel, kedai bunga dan lain-lain lagi.


Walaupun tradisi ini hanya disambut di Barat, tetapi kini pengaruh sambutan "hari mengingati kekasih" itu sudah meresap dalam masyarakat Islam di negara kita. Maka, bukan setakat memberi bunga dan hadiah kepada buah hati masing-masing, malah sampai ke tahap melakukan perkara-perkara yang menyalahi ajaran agama dan budaya tempatan. Kes-kes khalwat pasangan Islam yang belum berkahwin pada Hari Valentine adalah antara contoh jelas bahawa sambutan tersebut.

JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Ketahui bahawa sesungguhnya perayaan Hari Kekasih atau Valentine's Day haram disambut oleh umat Islam. Ini kerana, roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan sangat dilarang oleh Islam. Dalam erti kata yang lain, menyambut atau meraikan Hari Kekasih adalah bertentangan dengan syarak.

Ini selaras dengan ketetapan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-71 pada 22 hingga 24 November 2005, yang menjelaskan dengan keras dan tegas mengatakan Hari Kekasih daripada Kristian, wajib dijauhi dan dihindari umat Islam kerana ia boleh meruntuhkan akidah umat Islam. Sebab itu, umat Islam dituntut supaya lebih berhati-hati dalam melakukan sesuatu yang boleh menyerupai kaum-kaum lain seperti halnya dengan meraikan Hari Kekasih. Ini kerana, perayaan berkenaan yang mempromosi menzahirkan cinta kepada pasangan yang bukan mahram dengan berdua-duan dan berhibur boleh dikira sebagai perbuatan yang menghampiri zina.

Dan, perbuatan menghampiri zina sudah dilarang keras, apatah lagi melakukannya. Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

 وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."* (S. al Isra': 32).

Dengan berpandukan kepada mafhum ayat tersebut, terdapat beberapa kewajipan yang perlu dilaksanakan umat Islam dalam isu Hari Kekasih ini. Antaranya ialah:

Pertama, Muslim tidak boleh menyambut Hari Valentine atau menyertai orang lain dalam sambutan berkenaan sama ada dengan menghadiri atau membantu mereka yang meraikannya.

Kedua, Muslim tidak boleh membantu sama ada umat Islam atau bukan Islam yang menyambutnya. Ini termasuklah menyediakan tempat sambutan, mengiklankan, menjual barangan yang berkaitan seperti kad ucapan, bunga, kek dan lain-lain kerana ia dikira bersubahat dengan mereka mempromosi melakukan kemungkaran.

Ketiga, seorang Muslim hendaklah mengingatkan saudara seagama akan larangan menyambut Hari Valentine.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Islam menganjurkan umatnya berkasih sayang. Bagaimanapun, meraikan Hari Kekasih bukanlah ajaran Islam untuk menyemai serta menyuburkan perasaan kasih sayang. Haram dan berdosa bagi pasangan yang bukan mahram melakukan maksiat atas nama cinta.

Ini bererti, menzahirkan kasih sayang kepada kekasih perlu ada batasan. Kasih sayang di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram tidak boleh hanya dengan janji manis di bibir dan selalu berdua-duan. Ia perlu dijalin dengan ijab Kabul atau akad nikah yang sah yang mampu menyimpul ikatan kukuh bagi menjamin lahirnya zuriat, akhlak dan masyarakat yang baik. Ini selaras dengan anjuran Allah SWT dalam firman-Nya:

...فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتًى وَتَلْتَّ وَرَبْعَ ط فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً ...

Yang bermaksud: "...Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja..." (S. An-Nisaa': 3).

Jelas di sini, cinta dan kasih sayang yang diajar oleh Islam itu sifatnya suci. Ia membawa umatnya kepada lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bukannya mendorong kepada perbuatan maksiat atas alasan cinta.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Ingatlah! Ibu bapa atau penjaga yang reda membenarkan anak-anak di bawah jagaannya berdua-duan dengan pasangan yang bukan mahram menyambut Hari Kekasih boleh dikira tidak sayang kepada anak. Ini kerana, ibu bapa sepatutnya berusaha mengelakkan anak-anak daripada terjebak dengan dosa dan maksiat, bukannya membiarkan mereka terdedah kepada perkara-perkara yang dibenci serta dimurkai Allah SWT. Ini bertepatan dengan anjuran Allah SWT melalui firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ
اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan." (S. At-Tahrim:6).

Sehubungan dengan anjuran Allah SWT tersebut, maka ibu bapa dan guru yang berperanan sebagai pendidik dan pembimbing kepada anak-anak remaja khususnya yang masih bersekolah mestilah menegaskan tentang larangan menyambut Hari Kekasih yang bukan budaya Islam.

Hal ini begitu penting kerana sebahagian besar generasi muda Islam terutama sekali golongan remaja mempunyai tahap keimanan yang nipis yang menyebabkan mereka mudah terpedaya dengan keseronokan menyambut Hari Kekasih yang merosakkan akidah dan akhlak. Pemikiran mereka yang diselaputi sentimen suka berhibur atau hedonisme perlu dijernihkan melalui terapi ajaran agama dan bimbingan akhlak yang sempurna.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya maruah umat Islam hanya mampu ditebus apabila kita bersedia meninggalkan segala perkara yang sia-sia dan merugikan demi agenda agama, bangsa dan Negara yang lebih besar. Harga dan nilai ummah hanya mampu dimartabatkan apabila kita benar-benar menjiwai serta mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

Oleh itu, marilah kita berganding bahu berusaha membanteras budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ia bagi memastikan umat Islam, khususnya generasi muda tidak membesar dengan amalan-amalan yang sengaja diada-adakan oleh musuh-musuh Islam bagi merosakkan akidah dan akhlak ummah. Usaha ini sejajar dengan anjuran Allah SWT:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٠١﴾

Yang bermaksud: "...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)." (S. Al-Maaidah: 2).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah